

# KITAB TAWARIKH 2.0



Thursday, July 04, 2013

## Ishak Osman, kakitangan UKM jadi penduduk terawal Bandar Baru Bangi.

Oleh: Harith Faruqi Sidek



Encik Ishak Osman

Bandar Baru Bangi mula dibuka secara rasmi kira-kira 40 tahun yang lalu, ianya dibangunkan sejajar dengan pembangunan kampus tetap Universiti Kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan pada 18 Mei 1970 dan beroperasi di kampus sementara di Lembah Pantai, UKM kemudiannya berpindah ke kampus tetap di Bangi mulai tahun 1977. Bandar Baru Bangi asalnya merupakan kawasan ladang kelapa sawit yang dikenali sebagai West Country Estate. Kawasan ini kemudiannya telah diambil alih oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor untuk dibangunkan. Bandar Baru Bangi boleh diibaratkan sebagai 'adik' kepada Bangi lama yang telah dibuka lebih awal, iaitu kira-kira 96 tahun lalu.

### Penduduk Awal

Sewaktu UKM dibangunkan, tapak kampus ini didiami oleh suku kaum asal dari keturunan Temuan, suku kaum ini dipercayai telah wujud lebih lama dari tarikh penerokaan kawasan Bangi lama. Namun, apabila Bandar Baru Bangi dibuka, kumpulan penduduk terawal yang berhijrah secara tetap ke Bandar Baru Bangi adalah dikalangan kakitangan terawal UKM. Dikalangan kumpulan ini, yang pertama berhijrah ke Bandar Baru Bangi ialah Encik Ishak Osman. Mengikut catatan dalam buku log pekerja UKM, Encik Ishak Osman merupakan kakitangan UKM yang kelima terawal didaftarkan, iaitu dengan nombor pekerja 0005 dan jawatan hakiki sebagai Tukang Kayu di Unit Pembangunan.

UKM (ter)	NAMA PEKERJA
0001	BERHENTI Hajimahamn Taib bin Abdillah
0002	ALBERT EDWARD BOWERS
0003	XAHMAD KARMAN SHAH PANDAK ZABRIM
0004	ISMAIL BIN SEABIT
0005	ISHAK BIN OSMAN
0006	DR BERHENTIKAN Yusof bin Abu
0007	JASIN BIN BUJAI
0008	MUHAMAD BIN MO. NDR

### Translate

Select Language ▾

Powered by Google Translate

Tweets by @HarithSidek

### Komen Pengunjung

Recent Comments Widget

### Latar Diri Penulis



✉ Harith Faruqi Sidek

Pustakawan di PTSI, UKM. Pemegang Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Maklumat, UITM dan MARM (Master of Archives and Records Management) University of Liverpool, UK.

[View my complete profile](#)

### Search This Blog

Search

### Facebook Badge

Harith Faruqi Sidek



Create Your Badge

### Blog Malaysia Directory



### Post Popular



Menyingkap sejarah serta misteri Istana Kellie (Kellie's Castle)

Oleh : Harith Faruqi Sidek  
Sebut sahaja Batu Gajah, Perak, pastinya nama Istana Kellie atau Kellie's Castle akan disebut sebagai tarik...

[Bagaimana](#)

Nama Enolk Ishak Osman (No. Pekerja 0005) dalam buku daftar pekerja Universiti Kebangsaan Malaysia.

### Pengalaman sebagai 'orang Bandar Baru Bangi' yang terawal.

Dalam laporan News Straits Times bertarikh 22 Disember 1987, Ishak Osman telah berkongsi pengalaman beliau sewaktu mula-mula menjelak kaki di Bandar Baru Bangi. Menurut beliau, sebelum berpindah masuk ke kediamaan yang terletak di jalan1/2C, Seksyen 1, Bandar Baru Bangi pada pada 1 Disember 1977, beliau sekeluarga tinggal di Kampung Kerinch.



Jalan 1/2C yang terletak di Seksyen 1, Bandar Baru Bangi



Tanda jalan 1/2C, kawasan perumahan terawal di Bandar Baru Bangi.

Perkara pertama yang beliau lakukan setelah berpindah ialah menaiki basikal disekitar kawasan kediamaannya dengan harapan akan bertemu dengan penduduk lain, malangnya tidak seorang pun yang beliau temui. Suasana persekitaran yang pada ketika itu masih dipenuhi hutan belantara serta tanpa kemudahan elektrik menyebabkan beliau sangat gusar memikirkan keselamatan dirinya sekeluarga.

Menurut Ishak lagi, beliau akan memastikan setiap tingkap dan pintu rumahnya dikunci rapi seawal jam 7 malam lagi, ini kerana pada ketika itu suasana sudah mulai gelap dan beliau bimbang akan keselamatan keluarganya. Perkara ini berlaku selama seminggu, sebelum penduduk lain mulai beransur pindah ke kawasan tersebut. Meskipun begitu, bekalan elektrik masih belum dibekalkan oleh pemaju, lalu penduduk disitu terpaksa menggunakan lampu kerosin untuk tempoh beberapa bulan sehingga mereka mendapat bekalan elektrik pada sekitar bulan mac 1978.

Pengangkutan awam merupakan satu lagi masalah asas yang dihadapi oleh para penduduk awal di Bandar Baru Bangi, kebanyakannya mereka tidak mempunyai kenderaan sendiri, lalu terpaksa berjalan kaki berbatu-batu jauhnya untuk sampai ke perhentian bas bagi meneruskan perjalanan menghantar anak ke sekolah dan ketempat kerja.

Sebagai menghargai serta mengiktiraf beliau sebagai penduduk terawal Bandar Baru Bangi, Ishak Osman telah diberi penghargaan oleh Menteri Besar Selangor pada ketika itu, Datuk Muhammad bin Muhammad Taib sewaktu perayaan ulangtahun ke-10 Bandar Baru Bangi pada 21 Disember 1987.



Perancangan pembangunan 'Bandar Universiti' oleh PKNS yang dilakukannya pada tahun 1983. (NST, 16 Jun 1983)



Negeri-Negeri di Malaysia mendapat namanya

Oleh : Harith Faruqi Sidek  
Merujuk naskah "Asal - usul negeri-negeri di Malaysia" yang dihasilkan oleh Datuk Zakiah Hanum, m...



Shariff Dol :  
Samseng  
Kampung Dusun dalam kenangan.

Oleh : Harith Faruqi Sidek 'Shariff Dol, Samseng Kampung Dusun...tagline yang disebut orang hingga ke hari ini, begitulah t...'

### Sejarah Pembukaan Penempatan Orang Jawa di Selangor

Oleh : Harith Faruqi Sidek  
Hubungan Tanah Melayu dengan Pulau Jawa telah bermula sejak kurun ke-14 lagi, seperti mana diceritakan dalam na...



"The Real Malay"  
: Perihal Orang Melayu menurut Frank Swettenham

Oleh : Harith Faruqi Sidek  
Dalam karya beliau yang terkenal, "Malay Sketches", Frank Swettenham telah memberi gambaran tentang...



Warisan Darah dan Airmata di Muzium Perang Pulau Pinang.

Oleh : Harith Faruqi Sidek Pintu masuk Muzium Perang Pulau Pinang Antara lokasi yang menarik untuk dilawati jika melancong ke Pul...



Catatan Dari Bumi Anbya' 2 : Perihal Jam tangan Mekah

Jam tangan mesra islam. Kalau disebut Jam Mekah, pasti yang terbayang ialah jam-jam buatan negara China yang dijual oleh penjaja di j...



Asal Usul nama negeri Selangor dan beberapa tempat di Daerah Kuala Selangor

Oleh Harith Faruqi Sidek Jika dalam naskah "Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia" karya Datuk Zakiah Hanum tidak memaparkan bagaimana ...



Wak Mustarjo (1890 - 1970) dan 9 perkara menarik tentang beliau.

Oleh : Harith Faruqi Sidek Wak Mustarjo@Mustar Ahmad (sumber : P.Ramlee.com)  
Antara pelakon tambahan yang sering menghiasi fil...



Semenian H.M Busrah : Dari Semenyih ke Jalan Ampas

Oleh : Harith Faruqi Sidek Allahyarham H.M. Busrah ketika muda (kredit: cinemamalaysia.com.my)  
"Siapa tu?...Maznah ya?..." itulah...

### Bilangan Pembaca



1,159,378

#### Rujukan:

Elusive Dreams. The News Straits Times. 26 Oktober 1987.p.2.

First Man to Settle in. The News Straits Times. 22 Disember 1987.p.2.

Harith Faruqi Sidek. Sejarah Penubuhan UKM: Pencarian Kakitangan Perintis. *Buletin ILHAM*. Bil.13/2013.p.9

kiriman Harith Faruqi Sidek

#### No comments:

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

#### Feedjit

#### Blog Archive

- [2016 \(4\)](#)
- [2015 \(22\)](#)
- [2014 \(31\)](#)
- ▼ [2013 \(46\)](#)
  - [December \(5\)](#)
  - [November \(4\)](#)
  - [October \(2\)](#)
  - [September \(1\)](#)
  - [August \(5\)](#)
  - ▼ [July \(2\)](#)
    - [Kisah Sate Ria suatu masa dahulu...](#)
- Ishak  
Osman,kakitan gan UKM jadi penduduk terawal B...
- [June \(4\)](#)
- [May \(4\)](#)
- [April \(2\)](#)
- [March \(3\)](#)
- [February \(6\)](#)
- [January \(8\)](#)

- [2012 \(45\)](#)
- [2011 \(4\)](#)
- [2010 \(11\)](#)
- [2009 \(62\)](#)
- [2008 \(32\)](#)
- [2007 \(27\)](#)
- [2006 \(52\)](#)
- [2005 \(28\)](#)

#### Blog Pilihan



Kucing (meow) haiwan comel (cute) paling rapat dengan kita...  
*18 hours ago*

#### CATATAN SI MERAH SILU



Mengingat kembali perjalanan pertama bermotosikal besar solo keliling Semenanjung - Menghabiskan baki cuti kerja di Muar sebelum kembali ke Kuala Lumpur - Salam tengah hari Jumaat ke-5 tahun 2001 dan terakhir bagi bulan Januari. Sampai masanya untuk menyelesaikan terus cerita kenangan perjalanan 23 tahun la...  
*1 day ago*

#### OMAR M. HASHIM (OMARA)

Bersama anak anak Bintang Lagenda - Anak Allahyarham Dato' Ahmad Daud dan Saadiah juga anak Mariani dan H.M. Rohaizad. Zaman sudah berlalu, kini hanya dapat terlibat aktiviti seni dengan ...  
*1 week ago*

 [.cneainspniere.](#)



Jersi Lotto -  
Home  
Selangor FA,  
1993. - \*Jersi  
Lotto - Home  
Selangor FA, 1993.\*  
Alhamdulillah, setelah  
sekian lama menanti dan  
mencari. Ramai dah ada  
dalam koleksi, saya baru  
ada rezeki mem...  
*3 months ago*

 [Untold History](#)




Untold  
Histories : Best  
Clue Hidden in  
the Plain View  
- If.. nobody  
know Tyersall Estate belong  
to TMJ, did they know Johor  
Royalty is the richest  
craziest Asians???? Ko  
rase.. Author Crazy Rich  
Asian tau tak.....  
*4 months ago*

**PetikanBuku: Buku  
Mampu Mengubah Dunia**

Sudah Lama Tidak Update  
Blog - Salam semua. Sudah  
berlalu saya tidak update  
blog. Mungkin ramai yang  
kini hanya membaca  
Facebook sahaja, jarang  
lihat blog. Bagi saya,  
blogging sudah ber...  
*4 years ago*

 [Arkib Negara X](#)



ANX 6 tahun -- Arkib  
Negara X kini 6 tahun  
(2009-2015). - Sudah 9  
bulan (sejak April 2014)  
tiada entri terbaru kerana  
sibuk dengan hal lain. -  
Tetap ber...  
*6 years ago*

 [sepuluh tahun sebelum  
merdeka](#)



Selamat Hari  
Hartal 2012! -  
Selamat Hari  
Hartal  
20.10.12! Bagi  
memperingati hari  
bersejarah rakyat Malaya  
bersatu-padu dalam  
perjuangan menuntut  
demokrasi dan  
pembebas dari  
penjajah...  
*8 years ago*